Pengenalan bahan keluli seterusnya pantas dipraktikkan oleh Lambot pada 1855 untuk membangunkan bot ferrosimen. Bahan keluli turut dimanfaatkan oleh Monier pada 1867 dan Hennebique pada 1897 yang menjadi orang pertama membina bingkai bangunan dari konkrit diperkukuh keluli iaitu Kilang Weaver di Swansea, Britain. Testimoni memperakukan bahawa bot Lambot masih di dalam keadaan baik meskipun terdedah pada persekitaran laut. Satu peningkatan ketara pada kurun ke 19 adalah pengenalan bahan konkrit prategasan oleh Freyssinet pada 1940an, ketika perang dunia ke-2 termasuklah pembinaan Pelabuhan Mulberry.

Industri pembinaan telah sedia maklum bahawa konkrit merupakan bahan buatan manusia yang paling lama dan digunakan di dalam pelbagai bentuk dan jenis. Seterusnya konkrit yang telah dikenali hadir bersama penemuan baru yang melibatkan kombinasi beberapa bahan dan diadaptasi untuk membentuk bahan komposit berasaskan simen. Sebab utama kemasyuran konkrit adalah bahan rendam yang membentuk simen dan konkrit mudah diperolehi di serata tempat. Pembuatan konkrit

juga tidak memerlukan sumber kuasa yang banyak, mudah dibuat serta memerlukan penyelenggaraan yang rendah.

Semakin industri pembinaan berkembang, konkrit memerlukan beberapa suntikan idea baru untuk proses penyelidikan dan pembangunan bagi menghadapi cabaran prestasi. Konkrit sebagai satu bahan binaan mempunyai prestasi yang terbatas tatkala mengambilkira beberapa keperluan dan situasi, contohnya terhadap persekitaran berasid dan persekitaran marin. Konkrit konvensional perlu menjalani proses pengubahsuaian untuk kegunaan yang tidak dijangka. Permintaannya dalam negara membangun, memerlukan bukan sekadar bahan berteknologi tinggi atau aplikasi tetapi negara-negara ini turut mengalami kekurangan dari segi simen, kebolehan dan teknologi.

Industri pembinaan tidak terlepas dari kemelut permasalahannya. Masalah kekuatan, ketahananlasakan dan kebolehtelapan terhadap persekitaran yang agresif seperti berasid, beralkali, persekitaran marin dan keadaan pencemaran sering menjejaskan struktur konkrit. Masalah keretakan, pengelupasan dan kakisan sering berlaku disebabkan perubahan iklim setempat, tindakbalas oksigen dan karbon dioksida mengesahkan fenomena ini.

Ketahananlasakan ditakrifkan sebagai kemampuan sesuatu struktur merintangti tindakan kimia, proses lelasan dan proses-proses lain yang boleh mendatangkan kecacatan (ACI Committee). Ciri kekuatan dan ketahananlasakan berkait rapat dengan keliangan dalam konkrit. Terdapat perbezaan yang jelas di antara kekuatan dan ketahananlasakan iaitu kekuatan bergantung kepada ketumpatan pukal konkrit sedangkan ketahananlasakan dikawal oleh kebergantungan kepada keamatan permukaan luar merintangti penusukan agen agresif (Killoh, 1989). Faktor yang mempengaruhi ketahananlasakan dikelaskan kepada 3 topik iaitu sebab luaran, dalam dan struktur (Dhir, 1989). Ketiga-tiga kelas tersebut diperincikan sebagai kegagalan

bahan dalaman (tindakan alkali, silika), hakisan ke atas konkrit dan tetulang akibat penusukan ion dari persekitaran, hakisan dan hentaman (gegaran dan peronggaan) serta keretakan mekanikal disebabkan keterikan lebihan (keamatan haba lenturan, pengembangan dan pengecutan) (Killoh, 1989).

Maka sekiranya wujud proses penyelidikan, berbagai-bagai sumber asli atau sumber terbuang dapat diadaptasikan untuk mewujudkan bahan konkrit terubahsuai. Kemajuan proses penambahbaikan konkrit, maka wujudkan beberapa jenis konkrit seperti konkrit berpolimer, konkrit sulfur, konkrit jet, konkrit berasaskan bahan terbuang dan bahan sampingan industri, konkrit bergentian sintetik dan gentian asli, konkrit ringan, konkrit berprestasi tinggi dan sebagainya.

Kemunculan beberapa jenis konkrit tercetus dari kesan pembangunan industri binaan untuk memenuhi permintaan untuk tujuan khusus. Pada amnya, matrik berasaskan simen diubahsuai dalam beberapa aspek untuk memperbaiki sifat-sifat tertentu. Bahan polimer secara kimianya berupaya menghasilkan bahan komposit yang tinggi nilai tegasannya serta mempunyai kekuatan mampat yang memuaskan berbanding konkrit konvensional. Jika dibandingkan dengan konkrit biasa, simen konkrit berpolimer mempunyai peningkatan di dalam ciri-ciri ketahanan dan mempunyai ciri ketelapan dan perekatan yang tinggi.

Pengenalan bahan sulfur membentuk konkrit sulfur berjaya mempertingkatkan kekuatan muktamad sebanyak 90% dalam masa 6 hingga 8 jam pada suhu biasa. Nilai kekuatan yang tinggi pada masa yang singkat amat sesuai untuk konkrit prategasan. Rintangan konkrit sulfur terhadap penusukan sulfat dan asid adalah tinggi. Namun begitu medium alkali telah meresapkan sulfur dari struktur. Seterusnya konkrit bergentian mengambil peranan sebagai penulangan di dalam konkrit. Gentian yang terdiri dari gentian asli dan sintetik mula diperkenalkan oleh Ludwig Hatschek pada tahun 1899 yang mempelopori komposit simen asbestos. Kemasukan gentian di dalam

konkrit dan perekat simen mampu mempertingkatkan ciri kejuruteraan seperti kekuatan lentur, kelesuan, hentakan dan kejutan termal.

1.2 Konkrit Diperkukuh Gentian.

Konsep pengukuhan bahan binaan yang rapuh menggunakan pelbagai bentuk gentian telah dipraktikkan sekian lama. Tanah liat yang ditulangi oleh jerami untuk 'rumah lumpur' dan proses pembatuan mortar menggunakan bulu atau rambut haiwan merupakan contoh awal pengenalan konkrit diperkukuh gentian di dalam industri pembinaan purba, Teknik moden dan canggih yang terawal berkaitan konkrit diperkukuh gentian hadir dengan pengenalan bahan simen-asbestos yang dihasilkan oleh Hatschek, Magnani sekitar 1900. Seterusnya lahir bahan komposit simen bergentian seperti kaca, karbon dan aramid.

Seterusnya wujud satu cabang berkaitan konkrit diperkukuh gentian yang sedikit berbeza dari komposit simen. Konkrit yang diperkukuh gentian lahir dengan konsep kemasukan gentian-gentian tidak selanjur (tunggal) yang diadun bersama-sama agregat dan bahan tambah. Kandungan gentiannya adalah kurang jika dibandingkan dengan bahan komposit iaitu sekitar 0.1 hingga 1.5% berdasarkan isipadu tetapi saiznya bertambah sekitar 15 hingga 65 mm. Idea pertama telah dipatenkan di Perancis pada 1918 berdasarkan adunan cebisan gentian pendek selanjur seperti keluli, kayu dan sebagainya ke dalam konkrit (Naaman, 1985). Paten tersebut turut mengesyorkan bahan elemen gentian seharusnya kukuh atau diperkukuhkan dan mempunyai hujung yang bengkok untuk rintangan terhadap unsur penarikan (*pullout*) gentian dari konkrit. Paten selanjutnya oleh U.S. Patent Office (1969, 1970, 1972) yang menggunakan bahan gentian keluli selanjur yang rata telah dikomersilkan.

Penggunaan gentian dalam kedua-dua kategori komposit adalah untuk mempertingkatkan ciri matrik mortar yang lemah, rapuh dan mudah retak. Bergantung

kepada jenis dan kandungan gentian, darjah peningkatan simen matrik dapat diperhatikan di dalam ciri-ciri kekuatan lentur, kemuluran, kerapuhan, penebat tenaga, ketahanan kelesuan, ketelapan dan ketahanan yang tinggi. Merujuk kepada beberapa literatur, peratusan gentian menjadi faktor utama menyumbang kepada peningkatan prestasi matrik simen. Justeru itu elemen pecahan isipadu gentian per unit isipadu komposit telah menjadi asas kepada perbandingan terhadap kesan penggunaan pelbagai jenis gentian.

1.3 Terminologi

Menyedari skop matrik simen yang diperkukuhkan oleh gentian terlalu luas berdasarkan beberapa kategori yang tersendiri, lahir beberapa terminologi atau istilah yang tidak konsisten untuk mendefinisikan bahan mortar simen bergentian. Ini disebabkan matrik yang bergentian hadir di dalam bentuk mortar, konkrit atau perekat simen.

Pada pencapaian pertama pada 1973, American Concrete Institute mendefinisi konkrit diperkukuh gentian sebagai "*konkrit yang terdiri dari simen hidraul mengandungi atau tidak agregat halus dan agregat kasar serta gentian tidak selanjar*". Versi terbaru laporan (ACI Committee 544, 1996), membuat definisi mudah iaitu "*konkrit yang terdiri dari simen hidraul, agregat dan gentian tidak selanjar*". Kedua-dua versi istilah tersebut seakan-akan hanya melibatkan kehadiran agregat tetapi tidak terperinci kepada kategori simen diperkukuh gentian.

Sehubungan dengan itu, pada 1977 International Union Of Testing And Research Laboratories (RILEM Committee 19-FRC, 1977) yang berpangkalan di Eropah telah membuat definisi, konkrit bergentian sebagai "*diperbuat dari simen hidraul dengan atau tanpa agregat pelbagai saiz dan digabung dengan peneguhan gentian selanjar*". Definisi ini melibatkan kategori simen bergentian kedua-duanya mortar atau konkrit dengan gentian. Namun begitu, definisi ACI dan RILEM masih tidak


mencukupi untuk membezakan di antara perekat simen, perekat simen dengan agregat halus (mortar) dan perekat simen dengan agregat halus dan kasar (konkrit).

1.4 Persekitaran Marin

Persekitaran marin boleh diertikan sebagai persekitaran yang melibatkan struktur marin dan medium air laut. Air laut adalah campuran pelbagai jenis garam terlarut dan air. Air adalah pelarut yang baik kerana ianya bersifat polar. Oksigen dan hidrogen berkongsi elektron untuk membentuk molekul air melalui ikatan kovalen. Ini memberikan atom oksigen separa cas negatif dan atom hidrogen separa cas positif. Separasi cas di dalam molekul air ini membenarkan atom-atom ditarik dan melarutkan sebatian ionik seperti garam dengan mudahnya.

Terdapat 6 elemen utama dan sebatian itu membentuk hampir 99% dari garam terlarut. Ianya termasuklah klorida (Cl^-), Natrium (Na^+), Sulfur (SO_4^{2-}), Magnesium (Mg^{2+}), Kalsium (Ca^{2+}) dan Kalium (K^+). Di samping itu, terdapat juga unsur-unsur surih di dalam air laut seperti Bikarbonat (HCO_3^-), Bromida (Br^-), Asid Borik (H_3BO_3), Strontium (Sr^{2+}) dan Fluorida (F^-). Merujuk kepada Rajah 1.0, ion klorida membentuk hampir 55% unsur garam di dalam air laut. Pengiraan kemasinan air laut adalah berdasarkan bahagian per 1000 kehadiran ion klorida di dalam satu (1) kilogram air laut. Kemasinan air biasa adalah kosong sementara kemasinan air laut adalah pada julat 3.3% hingga 3.7% berdasarkan berat.

Ini membawa erti bahawa di dalam setiap 100 gram air laut, hanya 3.5% terdiri dari ion terlarut dan selebihnya 96.5% adalah air. Maka kemasinan air laut adalah secara tipikalnya adalah 35 bahagian per 1000. Jadual 1.0 merupakan ringkasan ion-ion terlarut di dalam air laut.



Rajah 1.0: Perkadaran Relatif Garam Terlarut Di Dalam Air Laut.
 Sumber: *PhysicalGeography.net*

Jadual 1.0: Komposisi Ion Terlarut Di Dalam Air Laut

Ion Terlarut	Formula Kimia	Berat Ion Terlarut (%)	Berat Air Laut (%)
Klorida	(Cl ⁻)	55.04	1.898
Natrium	(Na ⁺)	30.61	1.0556
Sulfat	(SO ₄ ⁻²)	7.68	0.2649
Magnesium	(Mg ²⁺)	3.69	0.1272
Kalsium	(Ca ²⁺)	1.16	0.04
Kalium	(K ⁺)	1.1	0.038
Bikarbonat	(HCO ₃ ⁻)	0.41	0.014
Bromida	(Br ⁻)	0.19	0.0065
Asid borik	(H ₃ BO ₃)	0.07	0.0026
Strontium	(Sr ²⁺)	0.04	0.0013
Fluorida	(F ⁻)	0.002	0.001
Jumlah		99.992	3.4482

Sumber: *PhysicalGeography.net*

1.5 Struktur Marin

Terdapat empat (4) zon persekitaran yang kebiasaannya didefinisikan ke atas kedua-dua struktur pantai dan struktur pesisir pantai iaitu Zon Bawah Air, Zon Pasang Surut, Zon Rembesan dan Zon Atmosfera. Keempat-empat zon tersebut mempunyai perbezaan dari segi bentuk kerosakan, kemerosotan dan jenis-jenis permasalahan. Zon pasang surut dan zon rembesan paling hampir dengan alam semulajadi serta mempunyai persamaan di antara kedua-duanya. Untuk struktur pantai contohnya

dermaga atau jeti, faktor yang dominan adalah turutan pasang surut air laut. Manakala untuk struktur pesisir pantai, faktor ombak memainkan peranan yang penting. Zon atmosfera cuma melibatkan sedikit masalah dan cuba berhadapan dengan kemerosotan berkaitan peresapan ion klorida. Maka untuk rekabentuk struktur marin ianya melibatkan pemahaman fenomena di dua (2) kawasan iaitu zon bawah air dan zon pada paras air ke atas.

Garam dalam keadaan pepejal tidak boleh menyerang konkrit tetapi jika dalam keadaan larutan garam, ia akan bertindak balas dengan adunan simen terkeras. Penghabluran garam di dalam liang konkrit boleh mengakibatkan pemecahan disebabkan tekanan yang dihasilkan oleh hablur garam. Bagi kes konkrit bertetulang, penyerapan garam membentuk bahagian beranod dan berkatod. Tindakan elektrolit yang terhasil menyebabkan penumpuan karatan pada keluli dan seterusnya pemecahan konkrit disekelilingnya. Ini menyebabkan kesan air laut menjadi lebih teruk terhadap konkrit bertetulang daripada konkrit biasa (Lea, 1970).

Adalah disyorkan supaya menggunakan kandungan simen sebanyak 350 kg/m^3 di atas paras air surut (Tyler, Mac 1960) dan 300 kg/m^3 simen di bawah paras air surut (Lea, 1970) atau nisbah air simen yang tidak melebihi 0.4 hingga 0.45 (ACI Committee 211, 1974). Nisbah air simen dipercayai menjadi faktor utama iaitu bagi nisbah air simen yang rendah (Keene, 1960), kandungan simen yang tinggi akan menyebabkan pepadatan berlaku sepenuhnya. Penambahan abu terbang atau bahan pozzolana ke dalam konkrit juga memberi kesan yang baik (Yoshii, 1958).

1.5.1 Zon Bawah Air.

Menurut Leeming, (1989), kemerosotan atau pengaratan pada struktur marin di zon bawah air tidak berlaku dalam keadaan yang normal melainkan jika terdapatnya pendedahan tetulang terhadap air laut akibat keretakan sekitar 0.6 mm atau kerosakan

akibat hentaman objek. Namun begitu pengajaran boleh dikawal pada peringkat awal pembinaan struktur oleh proses perlindungan katod. Zon ini sentiasa ditenggelami air laut yang mana kehadiran gas O_2 adalah terhad dan ini merupakan salah satu faktor yang menghadkan proses kemerosotan seperti pengkarbonatan atau pengajaran. Proses pengembangan konkrit akibat tindakan sulfat di dalam air laut tidak berlaku di zon bawah air kerana kehadiran klorida yang banyak di dalam air laut, yang menghalang pengembangan: gipsum dan kalsium sulfoaluminat lebih larut dalam larutan klorida daripada dalam air dan dengan demikian, ia dikupas keluar oleh air laut (Verbeck, 1956).

1.5.2 Zon Atas Air.

Ketahanan amat dipengaruhi oleh kedudukan sesuatu struktur konkrit yang berkaitan dengan paras air. Kemerosotan pada struktur adalah tinggi pada paras air laut dan ke atas. Struktur yang berada di dalam zon atas air, yang dikenali sebagai zon rembesan (pesisir pantai) atau zon pasang surut (pantai) mudah terdedah kepada kemerosotan konkrit atas sebab pengajaran kepada tetulang. Struktur konkrit yang terletak antara zon pasang surut, terdedah pada pembasahan dan pengeringan secara bersilih ganti, struktur ini akan mengalami serangan yang teruk. Oleh kerana tindakan penghabluran garam berlaku pada titik penyejatan air, serangan ini terjadi di atas struktur yang berada di atas air (Lea, 1970).

1.6 Isu Dan Permasalahan Penyelidikan

Industri pembinaan Malaysia telah mengalami banyak perubahan sejak sedekad lalu dan melibatkan pembangunan kawasan yang diklasifikasikan sebagai persekitaran air laut (*seawater*). Ini termasuklah proses penambakan dan penebusgunaan pantai, pembinaan struktur dermaga dan jeti serta kemudahan-kemudahan penginapan dan rekreasi. Kepsatan proses pembangunan ini adalah

untuk memacu sektor-sektor pelancongan, perhotelan dan perkapalan untuk menyokong ekonomi negara.

Namun begitu, usaha pembangunan pesat persekitaran marin ini sering dibayangi oleh beberapa punca atau faktor kemerosotan struktur binaan khususnya struktur konkrit oleh agen-agen perosot. Ini termasuklah kesan resapan atau rembesan klorida dan sulfat, keretakan dan pengaratan tetulang serta proses pembasahan dan pengeringan struktur oleh tindakan pasang surut air laut. Kesan dari kemerosotan ini telah menjejaskan tempoh perkhidmatan struktur konkrit yang menjurus kepada penurunan nilai kekuatan dan prestasi ketahanannya.

Justeru itu, penyelidikan ini dijalankan sebagai satu usaha untuk menangani permasalahan tersebut di samping menghasilkan satu bahan binaan yang berprestasi tinggi terhadap agen-agen perosot konkrit khususnya di dalam persekitaran marin atau air laut. Penyelidikan ini akan melibatkan penggunaan gentian tumbuhan sebagai elemen untuk mencegah dan pengawalan proses keretakan struktur serta penggunaan bahan pozzolona untuk memperbaiki kualiti kebolehtelapan terhadap resapan gas dan cecair. Seterusnya, satu medium air garam dengan kepekatan 5% Natrium Klorida (NaCl) dijana sebagai simulasi kepada persekitaran air laut.

1.7 Matlamat Penyelidikan.

Penyelidikan ini dijalankan dengan matlamat utama untuk menghasilkan satu bahan binaan alternatif kepada bahan yang sedia ada. Bahan baru ini adalah hasil kombinasi bahan di dalam mortar konvensional dengan bahan tambah hasil pengeluaran industri (wasap silika) serta bahan gentian semulajadi (gentian kelapa dan gentian kelapa sawit) yang amat mudah diperolehi di negara kita serta penggunaan bahan buangan industri kuari iaitu debu kuari sebagai alternatif kepada agregat kasar. Kehadiran bahan gentian ini sering diabaikan tetapi setelah mengetahui kelebihan peranan gentian asli ini di dalam perekat simen, penyelidikan ini akan memikul

tanggungjawab untuk mengkaji prestasi mortar bergentian dan sumbangannya pada industri pembinaan.

Prestasi mortar bergentian ini akan dikaji berdasarkan beberapa parameter kekuatan dan ketahananlasakan yang melibatkan persekitaran yang agresif iaitu persekitaran marin. Kajian turut melibatkan peranan agregat debu kuari dan penggunaan agen super-pemplastik pengurang air di dalam meningkatkan prestasi mortar bergentian.

1.8 Objektif Penyelidikan

Merujuk kepada matlamat utama penyelidikan, seterusnya penulis menggariskan beberapa objektif untuk mencapai matlamat tersebut. Objektif-objektif tersebut dihuraikan seperti berikut:

1. Melaksanakan satu rekabentuk konkrit berdasarkan Kaedah Jabatan Alam Sekitar yang sempurna dengan memperolehi komposisi bahan yang tepat untuk menghasilkan konkrit yang lebih ekonomik serta mampu mencapai kekuatan dan darjah ketahanan yang tinggi. Beberapa pengubahsuaian turut dilaksanakan dengan mengambilkira saiz maksima agregat kasar tidak melebihi 5.00 mm dan menghasilkan satu rekabentuk untuk mortar.
2. Menghasilkan mortar simen bergentian asli berdasarkan penggunaan gentian kelapa (sabut kelapa) dan gentian kelapa sawit (tandan) bersaiz sekitar 25.0 mm sebanyak 5% dari isipadu jisim simen. Kajian literatur telah membuktikan kehadiran gentian berupaya mengawal atau mencegah keretakan struktur. Gentian juga membantu memperbaiki sifat rapuh mortar konvensional.
3. Menghasilkan mortar berpozzolana menerusi penggunaan bahan pozzolan, wasap silika. Secara kimianya dengan saiz partikal yang multi halus, ianya berupaya memperbaiki ciri-ciri dan kelakuan mortar dari segi ketelapan terhadap

bendalir dan gas. Peranan ini penting untuk rekabentuk struktur dalam persekitaran berair (asid atau alkali).

4. Mengkaji kesan penggunaan debu kuari sebagai bahan penggantian agregat kasar bersaiz namaan kurang dari 10.0 mm terhadap nilai penurunan, kestabilan serta perubahan dimensi mortar dan ciri-ciri kekuatan dan ketahanan mortar.
5. Mengkaji kesan dan pengaruh medium garam sebagai medium pengawetan. Dua (2) set medium garam disediakan iaitu pengawetan secara terus menerus dan pengawetan secara kitaran (medium udara dan medium garam) dengan kepekatan 5% dari jisim simen. Lanya bagi mewujudkan suasana persekitaran marin yang mempunyai zon bawah air, zon pasang-surut dan zon atmosfera. Pengaruh teknik pengawetan termasuklah pengawetan udara akan dinilai melalui ujian kekuatan dan ketahananlasakan.

1.9 Skop Penyelidikan

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan penghasilan bahan binaan berasaskan gentian semulajadi dan terubahsuai. Gentian semulajadi yang digunakan adalah gentian kelapa dari sumber sabut dan gentian kelapa sawit dari sumber tandan. Penggunaan bahan pozzolan iaitu wasap silika turut diaplikasikan di dalam penyelidikan ini. Kaedah rekabentuk campuran adalah berasaskan kepada Kaedah Alam Sekitar. Nisbah air simen yang digunakan adalah rendah dan sehubungan dengan itu, agen pengurang air berjulat tinggi (super pemplastik) turut ditambah ke dalam bancuhan untuk mendapatkan adunan yang mempunyai nilai keboleherjaan yang dikehendaki. Bahan pengikat simen yang digunakan adalah simen portland biasa (*Jenis I*).

Penyelidikan turut memfokuskan kepada ketahanan dan kekuatan mortar dalam keadaan segar dan keras berdasarkan kepada tiga (3) jenis medium

pengawetan iaitu medium udara, medium garam dan medium kitaran. Penyelidikan akan turut mengenalpasti prestasi mortar bergentian dan terubahsuai berbanding mortar kawalan berdasarkan kepada beberapa parameter kejuruteraan dan mekanik. Proses pengujian mortar penyelidikan akan melibatkan beberapa parameter seperti ketumpatan, keboleherjaan, kekuatan mampat dan lenturan, kualiti mortar, perubahan dimensi mortar, kebolehtelapan dan kadar resapan klorida mortar.

Struktur panel sandwic ringan turut dimajukan untuk mendapatkan data-data beban-pesongan, beban muktamad, beban permulaan rekahan (*first crack*) serta lebar dan bilangan rekahan. Proses pengujian akan bermula dari tempoh pengawetan 7 hari hingga 365 hari. Seterusnya penyelidikan akan turut mengenalpasti perkaitan dan perhubungan yang wujud di antara beberapa parameter pengujian seperti hubungan kekuatan lentur dan kekuatan mampat.

1.10 Susunan Tesis Penyelidikan

Tesis ini secara keseluruhannya mengandungi sebanyak 7 bab yang akan membincangkan beberapa aspek berkaitan sejarah teknologi konkrit dari konvensional sehingga konkrit terubahsuai, ciri-ciri bahan yang membentuk komposisi mortar atau konkrit, penyediaan dan pengujian mortar penyelidikan, analisis data serta perbincangan hasil penyelidikan. Penulisan tesis ini dibahagikan kepada beberapa bab memudahkan pembacaan dan pemahaman dan ianya diringkaskan seperti berikut:

Bab 1 akan membincangkan secara ringkas sejarah berkaitan teknologi konkrit khususnya teknologi mortar bergentian semulajadi yang merupakan teknologi terawal industri pembinaan. Selaras dengan perkembangan teknologi konkrit, bab ini akan turut mengupas usaha-usaha penambahbaikan dan suntikan idea baru untuk menghadapi cabaran prestasi bahan mortar dan konkrit yang berasaskan simen, air dan agregat. Matlamat, objektif serta skop penyelidikan turut dibincangkan di dalam

bab ini sebagai suatu gambaran keseluruhan tujuan penyelidikan mortar bergentian semulajadi dan terubahsuai.

Seterusnya, *Bab 2* akan memfokuskan kepada perbincangan kajian literatur berkaitan teknologi konkrit atau mortar bergentian yang meliputi beberapa jenis gentian sintetik, mineral dan semulajadi. Turut dibincangkan adalah prestasi bahan pozzolan wasap silika serta agen pengurang air julat tinggi (super-pemplastik) dan debu kuari. Penekanan turut diberikan kepada prestasi mortar atau konkrit bergentian berdasarkan ciri-ciri kejuruteraan dan mekanik seperti kekuatan dan ketahananlasakan mortar terhadap pembebanan dan dan agen-agen persekitaran.

Bab 3 pula akan membincangkan sifat bahan-bahan yang membentuk bancuhan mortar seperti simen, agregat halus dan kasar, bahan super-pemplastik serta bahan pozzolan wasap silika. Pengujian terhadap bahan turut dijalankan untuk mengenalpasti ciri-ciri kimia dan fizikal bahan seperti ketumpatan relatif agregat. Program eksperiman turut diterangkan secara terperinci meliputi jenis-jenis parameter, jenis, kaedah dan tempoh pengawetan, aspek penyediaan spesimen kajian serta pengiraan data-data pengujian. Perbincangan turut merangkumi aktiviti Bancuhan Percubaan (*Trial Mix*) yang melibatkan mortar biasa dan mortar berbusa. Perencanaan program eksperiman yang sistematik akan menghasilkan penyelidikan yang teratur dan mudah difahami.

Bab 4 akan memberikan maklumat berkaitan ciri-ciri kekuatan mortar kajian seperti kualiti mortar seperti halaju denyut, ketumpatan, kekuatan mampat dan kekuatan lentur serta kekenyalan modulus dinamik. Mortar akan turut diuji prestasi mereka di dalam medium udara, medium garam dan medium kitaran. Perbincangan turut menjurus kepada pengaruh ketiga-ketiga medium tersebut terhadap sebarang perbezaan nilai prestasi. Mortar akan mengalami proses pengawetan sehingga ke

tempoh selama 365 hari dan pengujian dijalankan berdasarkan beberapa takrifan piawaian iaitu Piawaian British, BS dan Piawaian Malaysia, MS.

Manakala *Bab 5* pula akan menerangkan tentang hasil pengujian terhadap mortar kajian berdasarkan ciri-ciri ketahanan mortar iaitu kestabilan dan perubahan dimensi mortar (pengembangan dan pengecutan), kehilangan berat, pengkabonatan atmosfera, prestasi kebolehtelapan cecair dan gas serta kadar resapan klorida. Tiga (3) parameter kebolehtelapan yang terlibat adalah seperti Resapan Air, Ketelapan Oksigen dan Kadar Resapan Klorida. Pengujian akan melibatkan pengerudian teras mortar dan ianya turut berdasarkan kepada beberapa takrifan Piawaian British, BS dan Piawaian Malaysia, MS.

Seterusnya *Bab 6* akan menerangkan hasil pengujian terhadap struktur panel ferosimen sandwic ringan yang melibatkan pembebanan 4 titik secara statik. Merujuk kepada data-data pengujian dari bab 3 seperti kekuatan mampat dan lenturan, prestasi gentian semulajadi dan bahan wasap silika turut dikaji di dalam konteks struktur. Parameter yang ingin dikenalpasti termasuklah beban rekahan pertama, beban muktamad, jarak rekahan, bilangan rekahan, nilai pesongan serta mod kegagalan panel samada panel mengalami kegagalan muktamad iaitu patah ataupun sebaliknya.

Akhir sekali, *Bab 7* akan memperihalkan secara keseluruhan kesimpulan dari hasil pengujian yang telah dijalankan terhadap mortar dan struktur panel. Beberapa analisis turut diterangkan mengaitkan prestasi mortar terhadap kaedah dan tempoh pengawetan serta potensi bahan-bahan gentian dan pozzolan di dalam mortar konvensional. Beberapa cadangan dan usul turut dikemukakan untuk memastikan teknologi konkrit akan terus dimajukan dan berkembang selaras dengan perkembangan industri pembinaan di Malaysia.

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan


Teknologi konkrit seperti mana cabang disiplin teknologi memerlukan peningkatan di dalam darjah pengkhususan dan penggabungan bahan gentian di dalam matrik simen membentuk bahan komposit. Ia memerlukan pengetahuan kepada konsep berkaitan interaksi di antara gentian dan perekat simen, mortar atau matrik konkrit yang mempengaruhi pengeluaran dan sifat produk. Para saintis serta jurutera telah giat meneroka untuk mencari bahan-bahan yang akan digunakan sebagai penggantian kepada bahan konvensional atau yang berupaya memberikan satu ciri-ciri terbaik untuk rekabentuk baru dan mempertingkatkan inovasi bahan.

Perkembangan teknologi gentian selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan bahan. Ekoran dari permintaan yang tinggi dan inovasi di dalam mengaplikasikan gentian, teknologi gentian telah menghasilkan pelbagai jenis gentian yang berpotensi untuk dikomersilkan. Penyertaan gentian peneguh di dalam konkrit, mortar dan perekat simen berupaya meningkatkan banyak sifat-sifat kejuruteraan berdasarkan bahan seperti ketahanan terhadap kepatahan, kekuatan lentur dan rintangan terhadap kelesuan, hentaman, kejutan terma atau penyerpihan (Keer, 1984).

Penyatuan bahan simen dalam bentuk mortar atau konkrit telah menjadi tarikan sebagai bahan binaan disebabkan ianya murah, mempunyai ketahanan serta mempunyai kekuatan mampatan dan kekakuan yang mencukupi untuk kegunaan penstrukturan. Namun begitu, kekurangannya terletak pada sifat rapuh, kekuatan tegangan dan hentaman yang lemah serta mudah menerima pergerakan lembapan. Justeru itu, peneguhan oleh gentian yang telah dipertingkatkan berupaya menawarkan alternatif yang sesuai, praktikal dan ekonomik untuk mengatasi kekurangan ciri-ciri konkrit atau mortar konvensional.

2.2 Pengelasan Gentian

Gentian merupakan elemen yang bersifat filamen yang bersambungan di dalam bentuk helaian nyata yang panjang atau berbentuk hamparan. Gentian secara amnya boleh dikategorikan kepada tiga (3) jenis iaitu gentian sintetik, gentian semulajadi dan gentian mineral (Rajah 2.0). Gentian sintetik adalah gentian buatan manusia. Ianya berasaskan bahan kimia seperti petrokimia dan kebanyakan gentian sintetik berasal dari *nylon*, *polyester*, *acrylic* polimer dan gentian *polyacrylonitrile* yang digunakan untuk membuat gentian kaca. Terdapat juga gentian yang membuat ikatan rantaian polimer yang kuat seperti *aramid* dan ikatan rantaian yang panjang seperti *dyneema*.



Rajah 2.0: Pengelasan Gentian-Gentian
Sumber: Fordos, Z., 1979

Manakala *gentian semulajadi* diperolehi dari sumber alam semulajadi iaitu dari tumbuhan dan haiwan. *Gentian tumbuhan* adalah berasaskan susunan selulosa dan lignin seperti kapas, jut, sabut kelapa, tandan kelapa sawit, flax dan sebagainya. Ianya boleh diperolehi dari biji benih (kapas, kekabu), daun (nenas, pisang), kulit tumbuhan (jut, kenaf, rotan, hemp), buah (kelapa, kelapa sawit) dan jerami (padi, gandum, barli,

rumpun). Seterusnya *gentian haiwan* diperolehi dari partikel protein seperti sutera dan bulu.

Seterusnya *gentian mineral* diperolehi dari kerak bumi dan ianya terjadi secara semulajadi. Ianya berasaskan kepada gentian asbestos (*chrysotile, amosite, crocidolite, tremolite, actinolite, anthophyllite*), gentian seramik (*wool kaca, kuartza, aluminium oksida, silikon karbida*) dan gentian logam (keluli, aluminium)

2.3 Gentian Semulajadi

Potensi penggunaan gentian semulajadi di dalam aplikasi konkrit diperkukuh gentian asli telah lama menarik perhatian penyelidik. Pelbagai penyelidikan telah dijalankan di banyak negara terhadap pelbagai ciri-ciri mekanikal, prestasi fizikal dan ketahanan bahan yang diperkukuh oleh gentian semulajadi. Gentian semulajadi ini dikategorikan sebagai bahan buangan organik dari tumbuh-tumbuhan seperti sabut kelapa, sisal, hampas tebu, jut, abuk kayu dan sebagainya.

Konkrit diperkukuh gentian semulajadi pada dasarnya adalah konkrit yang istimewa di mana ia mengandungi gentian yang mempunyai diameter yang kecil, secara berasingan serta diagih secara rawak di dalam matrik simen. Pengagihan yang seragam di dalam matrik simen ini menyumbang kepada peningkatan nilai tegasan dan ketahanan kepada keretakan, hentaman dan turut memperbaiki nilai kemuluran untuk aspek penyerapan tenaga yang baik.

Meskipun telah banyak jenis gentian digunakan sebagai bahan pengukuh konkrit, penggunaan gentian semulajadi sebenarnya telah lama wujud dan terdapat banyak bukti-bukti penggunaan gentian ini dalam sejarah peradaban manusia. Alam semulajadi telah memberikan manusia bahan yang diperkukuhkan gentian di dalam bentuk kayu, buluh dan tumbuh-tumbuhan. Penggunaan jerami di dalam bata lumpur

dan rambut kuda di dalam mortar telah membuktikan potensi gentian semulajadi. Hanya pada akhir 1960an dan awal 1970an, bermulalah penyelidikan untuk mengkaji potensi penggunaan gentian semulajadi dari berbagai jenis sebagai bahan peneguh di dalam kepingan konkrit dan bahan komposit berasaskan simen.

Simen diperkukuh gentian semulajadi atau produk konkrit yang menggunakan gentian seperti sabut kelapa, sisal, hampas tebu, buluh dan sebagainya telah dihasilkan dan diuji di lebih 40 negara (Gram, 1983). Atas faktor ekonomi negara membangun di mana gentian semulajadi dengan begitu banyak boleh diperolehi, ianya menuntut para penggiat industri pembinaan untuk mempertingkatkan kebergunaan sumber ini secara efektif dan ekonomik untuk memperkenalkan bahan komposit yang baik untuk kegunaan perumahan dan lain-lain.

Keperluan asas penggunaan gentian semulajadi sebagai bahan peneguh di dalam matrik konkrit adalah kekuatan tegangan dan modulus elastik yang tinggi, ikatan di antara matrik dan gentian, mempunyai kandungan kimia yang baik, geometri yang stabil serta ketahanan yang baik.

2.4 Gentian Tumbuhan

Hampir kesemua tumbuh-tumbuhan terbina oleh sel-sel. Ketika sel-sel ini mencapai kepanjangan yang relatif kepada lebar sel, ianya dikenali sebagai gentian. Sebagai contohnya, gentian kayu secara relatifnya adalah 50 - 100 lebih panjang dari diameternya. Binaan asas gentian menyerupai struktur tiub mikroskopik yang mengelilingi liang tengah yang dikenali sebagai lumen. Manakala jika dinding sel-sel terbina dari 85% atau lebih selulosa, hemiselulosa dan lignin, ianya didefinisikan sebagai gentian lignoselulosa. Contoh gentian lignoselulosa termasuklah sel jerami, tandan, daun, buah dan batang tumbuhan, sementara gentian bukan lignoselulosa adalah seperti kapas.

2.5 Sifat Matrik

Di dalam konkrit bergentian semulajadi, matrik simen bertindak mengikat gentian bersama-sama, melindungi gentian dari mengambil bahagian di dalam proses penghantaran tegasan dari dan kepada gentian. Secara amnya matrik konkrit yang melibatkan gentian semulajadi terdiri dari adunan simen yang tinggi serta agregat manakala kestabilan dimensi matrik dapat diperbaiki dengan mencampurkan pelbagai jenis pengisi dan bahan pozzolan seperti abu terbang dan wasap silika yang bertindak memperbaiki ciri-ciri aliran mortar dan ciri-ciri kejuruteraan yang lain (Jarman, 1977).

2.6 Konsep Interaksi Gentian Dan Matrik.

Bahan komposit merangkumi skop yang luas ketika bahan keluli, kaca, polimer atau gentian asli bergabung dengan matrik yang terdiri dari perekat simen, mortar atau konkrit. Konsep mudah interaksi adalah gentian mempengaruhi sifat komposit di dalam kedua-dua keadaan segar dan keras. Peningkatan kandungan gentian secara semulajadi memperbaiki darjah peningkatan beberapa ciri mortar keras tetapi merendahkan darjah kebolehaliran mortar segar.

Peranan 'nisbah bidang gentian' (*fibre aspect ratio*) iaitu nisbah panjang, L kepada diameter, d telah menjadikan konsep interaksi di antar gentian dan matrik semakin konflik. Sebagai contoh, *nisbah bidang gentian* yang tinggi menawarkan peneguhan yang efektif dan mempertingkatkan potensi konkrit keras berbanding dengan kandungan gentian yang serupa tetapi nisbah bidang gentian yang rendah. Walaubagaimanapun, nisbah bidang gentian yang tinggi memberi kesan buruk kepada kebolehaliran mortar. Ironinya adalah kandungan gentian yang kurang dengan nisbah bidang yang rendah, akan meningkatkan sifat konkrit segar tetapi mempunyai kelebihan kekuatan yang kecil.

Manakala untuk kandungan gentian yang banyak dengan nisbah bidang yang tinggi menimbulkan kerumitan di dalam penghasilan tetapi memberikan nilai kekuatan yang begitu memuaskan (Johnston, 2001). Justeru itu, untuk rekabentuk mortar bergentian, beberapa aspek seperti kandungan gentian, panjang, diameter serta nisbah bidang gentian (*fibre aspect ratio*) haruslah dititikberatkan oleh pereka.

2.7 Teknologi Pembuatan.

Pengagihan gentian semulajadi yang seragam di dalam matrik simen menyumbang kepada pembaikan tegasan dan keretakan mikro. Prinsip pembuatan konkrit peneguh gentian semulajadi adalah untuk mengagih gentian agar gentian berupaya menyerlahkan fungsi peranannya dan untuk mencapai satu tindakan komposit di antara gentian dan matrik. Semenjak kewujudannya, kebanyakan bentuk simen komposit bergentian, dibuat menggunakan gentian pendek sejajar samada dalam 2 dimensi orientasi (panel nipis) atau secara rawak 3 dimensi untuk panel yang tebal (Majumdar, 1977). Di dorong oleh sifat semulajadi konstitusi simen di dalam matrik, ianya berkemungkinan untuk menggabungkan hanya sebahagian kecil isipadu diskrit gentian di dalam matrik (Nagaraj, 1979) seterusnya ianya lebih ekonomik iaitu penggunaan gentian dapat dioptimalkan.

2.8 Komposisi Gentian Semulajadi

Gentian semulajadi berasaskan tumbuhan adalah sebahagian daripada mikrostruktur tumbuhan tersebut. Setiap gentian lazimnya dikelilingi oleh lapisan sel lembut yang tidak berfungsi. Gentian adalah terdiri daripada pelbagai sel gentian fusiform yang dipanjangkan (paling banyak) dan menyendeng ke arah setiap hujung.


Secara fizikalnya, setiap sel dibina daripada empat bahagian utama iaitu dinding utama, dinding sekunder yang tebal, dinding tertier dan luman. Dinding sel terdiri daripada beberapa lapisan struktur fibril yang terdiri daripada fibril (makrofibril) dan mikrofibril. Struktur fibril luar terutamanya, dinding adalah teratur secara jaringan

dan mengurungi dinding sekunder yang terdiri daripada beberapa lapisan. Lapisan luar dinding sekunder pula terbina daripada lilitan spiral rata mengelilingi paksi gentian 40-50°. Fibril bagi lapisan dalam adalah teratur di dalam '*steep spiral*' pada 10-18° kepada paksi gentian (Fordos, 1979). Dinding tertier yang paling dalam dan nipis mempunyai struktur fibril yang selari dan mengurungi lumen. Fibril dan mikrofibril adalah dipegang bersama oleh koloid lamela.

Secara kimianya gentian terdiri daripada selulosa, melebihi 75% dan koloid lamela, kurang daripada 25% (Fordos, 1979). Selulosa pula terdiri daripada molekul-molekul selulosa. Penyerakan sinar X menunjukkan molekul selulosa membentuk susunan kedua-dua struktur rantai teratur dan tidak teratur (Racines, 1978). Rantai-rantai ini dipegang bersama secara kimia oleh ikatan hidrogen. Sel gentian, fibril dan mikrofibril adalah dipegang bersama koloid lamela yang terdiri daripada lignin, pektin dan hemiselulosa

2.9 Prinsip Penulangan Gentian.

Mekanisma Patah Linear Elastik (LEFM) merupakan suatu cabang bidang yang menceritakan perihal kegagalan struktur oleh permulaan dan perambatan elemen keretakan. Lazimnya LEFM digunakan untuk menilai kesesuaian bahan kejuruteraan konvensional seperti logam dan konkrit di dalam situasi penanggungungan beban. Namun begitu, penggunaannya untuk menerangkan perlakuan komposit masih lagi diperdebatkan sehingga sekarang. Walaubagaimanapun, penggunaan mekanisma patah di dalam matrik simen dan konkrit diperkukuh gentian telah diterima dengan baik. Kegagalan di dalam komposit gentian lazimnya berpunca daripada kecacatan di dalam bahan yang berpunca dari kepatahan gentian, kecacatan di dalam adunan matrik serta penyahikatan antara-muka di antara gentian dan matrik. Rajah 2.1 menerangkan skematik keratan rentas melalui matrik yang diperkukuh gentian.




Rajah 2.1: Skematik Tindakbalas Gentian Terhadap Keretakan.
 Sumber: Fordos, Z., (1979).

Rajah skematik menunjukkan empat (4) kemungkinan berlakunya kegagalan di dalam matrik konkrit sebelum komposit patah. Ketika berlakunya sebarang keretakan, pada jarak di hadapan di mana retak mula bertambah dan memasuki bahagian tersebut, empat (4) kemungkinan tersebut akan terjadi. **Gentian 1** berada di dalam kawasan bertegangan tinggi iaitu berdekatan dengan hujung retak. Gentian 1 mungkin telah ternyahikatan daripada matrik tetapi gentian 1 masih berada di dalam keadaan yang baik. Penyahikatan ini adalah didorong oleh kekuatan ikatan antara-muka di antara gentian dan matrik.

Pemutusan ikatan kimia yang terjalin di antara gentian dan matrik simen dirangsang oleh penggunaan tenaga dari sistem daya tegasan. Seterusnya tegasan yang telah mencapai tenaga yang mencukupi berkemungkinan dipindahkan kepada **Gentian 2**. Sekiranya tenaga yang disalurkan cukup kuat sementara daya keanjalan gentian menjadi lemah, gentian akan gagal secara mutlak. **Gentian 4** menunjukkan kegagalan gentian akibat daya tegasan elemen keretakan. Apabila proses penyahikatan berlaku, terikan tenaga pada jarak gentian yang ternyahikatan akan dipindahkan kepada matrik dan hilang sebagai haba. Untuk gentian yang ternyah sepenuhnya, penarikan keluar gentian daripada matrik akan berlaku dan ini merujuk kepada **Gentian 3**. Tenaga yang dihasilkan oleh proses penyahikatan ini akan hilang di dalam bentuk geseran. Terdapat kemungkinan di mana ketika retak merambat, gentian

yang ditinggalkan tidak mengalami kerusakan dan proses ini dipanggil Jembatan Retak (*Crack Bridging*).

Rajah 2.2 menunjukkan konsep pengukuhan bergentian komposit berasaskan simen. Komposit konvensional akan mengalami satu keretakan besar yang panjang dan mudah patah. Komposit bertetulang secara selari dan sistematik, ketika dibebani akan mewujudkan keretakan yang kecil tetapi banyak. Elemen tetulang telah menghadkan keretakan menjadi panjang dan lebar. Manakala komposit bergentian kecil yang berselerak akan memperlihatkan keretakan kecil dan halus. Elemen gentian berfungsi seperti tetulang yang berupaya memperlahan atau memberhentikan pergerakan keretakan.



Rajah 2.2: Konsep Matrik Simen Diperkukuh Gentian.
Sumber: Fordos, Z., (1979).

2.10 Faktor Yang Mempengaruhi Ciri-Ciri Konkrit Diperkukuh Gentian.

Ciri-ciri konkrit diperkukuh gentian di pengaruhi oleh berbagai faktor dan jenis, panjang dan pecahan isipadu gentian merupakan faktor yang paling signifikan yang mempengaruhi sifat konkrit diperkukuh gentian. Racines, (1978), Mansur, (1982), Swift, 1978). Panjang optimum gentian dan pecahan isipadu yang terbaik untuk gentian semulajadi adalah masing-masingnya 23 mm dan 3%. (Aziz, 1981).

2.11 Sifat Komposit Campuran Segar.

Bancuhan campuran konkrit bergentian boleh dijalankan menggunakan kaedah konvensional seperti drum pembancuh (Nagaraj, 1979). Tatacara bancuhan dimulai